



Headline: Doktor mangsa penipuan 'Macau Scam' Language: Malay  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak) Section: Nasional  
Date: 8 November 2018 Page: 14

## **Doktor mangsa penipuan 'Macau Scam'**

**KUANTAN:** Seorang doktor muda menjadi mangsa penipuan 'Macau Scam' yang mendakwa nama beliau dikaitkan dalam jenayah pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusof berkata mangsa berusia 25 tahun itu mendakwa telah membuat transaksi wang sebanyak RM4,900 kepada suspek.

Katanya, mangsa mendakwa dihubungi seorang lelaki kononnya dari Mahkamah Majistret Melaka pada jam 10 pagi kelmarin, semasa sedang bertugas di sebuah hospital di sini.

"Panggilan itu kemudiannya disambung kepada lelaki lain yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Azman kononnya dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka.

"Suspek memberitahu mangsa akan ditangkap kerana mempunyai tunggakan kad kredit berjumlah RM28,000

dan terlibat dengan kesalahan pengubahan wang haram," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mohd Wazir menambah mangsa diminta untuk mengosongkan akaun banknya dengan memindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan suspek atas tujuan penyiasaan.

Katanya, mangsa berbuat demikian pada jam 11.10 pagi hari yang sama menerusi pemindahan wang dalam talian, namun menyedari terdapat kemungkinan dirinya menjadi mangsa penipuan.

Sehubungan itu, mangsa tidak meneruskan transaksi lain dan terus membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini, kelmarin.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebatan dan denda jika sabit kesalahan. — Bernama